

Sidang Mengenai Kampuchea

Malaysia kemuka 2 dokumen

KUALA LUMPUR, Rabu — Asean akan mengemukakan dua jenis dokumen — draf deklarasi dan draf ketetapan — semasa persidangan antarabangsa mengenai Kampuchea di New York mulai Isnin ini.

Bercakap kepada pemberita di Wisma Putra petang ini sebelum berlepas ke New York, Menteri Luar, Tengku Ahmad Rithauddeen, berkata draf deklarasi bertujuan meletakkan garis-garis asas mencapai suatu penyelesaian secara aman mengenai Kampuchea.

Manakala draf ketetapan pula meminta persidangan itu menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi membantu persidangan mencari penyelesaian politik.

"Malaysia berharap kesemua 60 negara yang menyertai persidangan tersebut memberi sokongan sebulat suara kepada kedua dokumen tersebut,"katanya.

Beliau menekankan pintu masih terbuka kepada Vietnam dan Soviet Union untuk menghadiri persidangan seumpama itu di masa-masa depan.

Katanya, persidangan tersebut bukan bertujuan mengutuk Vietnam ataupun Soviet Union tetapi semata-mata mencari jalan penyelesaian sepenuhnya bagi masalah Kampuchea.

Ketika menghuraikan draf deklarasi itu, Tengku Rithauddeen berkata gencatan senjata mesti dilaksanakan di Kampuchea dan menempatkan pasukan pengaman Bangsa-bangsa Bersatu untuk mengawasi persetujuan tersebut.

Semua tentera asing dapat diundurkan seberapa singkat yang boleh selepas ketibaan Pasukan Pengaman PBB bertindak selaku pengawas semasa pengunduran tentera asing.

Serentak dengan itu, semua pasukan pejuang di Kampuchea dilucutkan senjata dengan diawasi dan dikawal oleh pasukan PBB.

Suatu badan pentadbiran sementara hendaklah ditubuhkan di Kampuchea hingga kerajaan baru dipilih secara bebas oleh seluruh rakyat Kampuchea.

Pilihanraya hendaklah diadakan dengan bebas bagi membolehkan semua rakyat Kampuchea menentukan bentuk kerajaan yang mereka pilih, tambah beliau.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia